



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN

Ruj. Kami : IPKSEL.BKP.Pent.  
100-3/2/3 Jld.2 ( 13 )  
Tarikh : 4 Rabiulawal 1442H  
21 Oktober 2020

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan – Badan Berkanun dan Anak – Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/ Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KEHADIRAN BERTUGAS PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR SEMASA PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA.SARAAN(S)256/6/31JLD.7(2)) bertarikh 21 Oktober 2020.

2. Berikutan keputusan Kerajaan pada 12 dan 20 Oktober 2020 yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa di seluruh Negeri Sabah mulai 13 Oktober hingga 26 Oktober 2020 dan seluruh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mulai 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020, maka bagi mengukuhkan usaha untuk mengekang penularan wabak Covid-19, tindakan lanjut untuk mengurangkan keberadaan dan pergerakan penjawat awam di kawasan-kawasan terbabit perlu diambil sebagai langkah pencegahan tambahan.

.. /2

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

Tel.: 03-5514 2134 (Terus), 03-5544 7042/7043/7045/7520 Faks: 03-5510 3062

**ARAHAN KEHADIRAN BERTUGAS PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PENTADBIRAN  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BERSYARAT**

---

3. Justeru, **bermula 22 Oktober 2020** sehingga tamatnya tempoh PKPB, Ketua Jabatan hendaklah memastikan keberadaan pegawai perkhidmatan awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ke pejabat adalah pada tahap **maksimum 30 peratus** sambil memastikan perkhidmatan agensi tidak terjejas dan berterusan dapat dicapai oleh pelanggan berdasarkan Piagam Pelanggan Jabatan/ Agensi masing-masing. Arahan kehadiran bertugas ini adalah **terkecuali kepada penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan penting** yang ditentukan oleh Ketua Jabatan selaras dengan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(2) bertarikh 17 Mac 2020.

4. Ketua Jabatan hendaklah memastikan **perkhidmatan-perkhidmatan asas** jabatan tidak terjejas dan dapat beroperasi seperti biasa. Bagi perkhidmatan kaunter yang mempunyai kemudahan internet , **diwajibkan menggunakan kemudahan dalam talian (*online*)** untuk mengurangkan kehadiran pegawai bertugas di pejabat. Ketua Jabatan perlu mengambil inisiatif dalam memastikan perkhidmatan yang ditawarkan di kaunter tidak terjejas dengan kehadiran pegawai bertugas yang minimum. Ketua Jabatan juga hendaklah mengenalpasti keperluan pegawai hadir bertugas dan mengeluarkan Surat Arahan Hadir Bertugas merujuk kepada Surat Hebahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (IPKSEL.BK.100-3/2/3(4)) bertarikh 9 Jun 2020.

5. Bagi maksud ini, Ketua Jabatan diarahkan supaya memastikan semua pegawai di peringkat pengurusan dan pentadbiran Jabatan/ Agensi yang tidak diperlukan berada di pejabat sepenuh masa, dijadualkan supaya Bekerja Dari Rumah (BDR), sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa agar kehadiran mereka di pejabat dioptimumkan pada kadar minimum semasa tempoh PKPB dikuatkuasakan. Dalam hal ini juga, ketetapan dalam Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(6) bertarikh 2 Mei 2020 adalah masih terpakai. Bagi pegawai yang diarahkan untuk BDR, pegawai tidak dibenarkan meninggalkan tempat tinggal masing-masing kecuali untuk kes-kes kecemasan. Pegawai juga perlu sentiasa bersedia untuk dipanggil bertugas pada bila-bila masa sekiranya terdapat keperluan mendesak.

6. Sehubungan itu, semua aktiviti secara bersemuka seperti mesyuarat, perbincangan atau latihan tidak dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan secara dalam talian (*online*) sepenuhnya. Dokumen rasmi tidak dibenarkan untuk dibawa keluar sepanjang tempoh ini. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan atas kepentingan tugas dan prinsip BDR untuk memberi kebenaran membawa keluar dari pejabat dokumen rasmi termasuk salinan *hardcopy* atau *softcopy* berpandukan Garis Panduan Membawa Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

**ARAHAN KEHADIRAN BERTUGAS PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PENTADBIRAN  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BERSYARAT**

---

7. Sebagai langkah berterusan bagi pencegahan wabak Covid-19, Ketua Jabatan hendaklah sentiasa memastikan pematuhan sepenuhnya kepada semua peraturan, garis panduan, SOP norma baharu, dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Bersama-sama ini dilampirkan surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang menjelaskan maksudnya untuk makluman YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan.

Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' MOHD-AMIN BIN AHMAD AHYA)**  
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.

Edaran dalaman:

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)